


# NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Enam pesilat Singapura mara ke separuh akhir

Berita Harian, 28 November 1996, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL20825

Printer-Friendly Page



**Enam pesilat Singapura  
mara ke separuh akhir**

## SILAT

**JUARA dunia, Sheik Alauddin Yacoob, menunjukkan keunggulannya untuk bersama lima lagi pesilat Singapura mara ke peringkat separuh akhir Kejohanan Pencak Silat Malaysia yang sedang berlangsung di Sarawak.**

Sheik, yang juga pemenang pingat emas Sukan SEA, menunjukkan kehandalannya dengan merebahkan pesilat Kedah, Abdullah Said, dengan kemenangan teknikal *knockout* dalam pertarungan Kelas Bebas.

Turut mencatatkan kemenangan ialah Irwan Juriami yang menumbangkan pesilat Johor, Mohamad Rizal, dalam Kelas B.

Pesilat-pesilat lain yang ke separuh akhir ialah Mohamad Hidayat Hosni (Kelas B), Ka-

**dir Mohamad Ibrahim (Kelas E), Normillah Arman (Kelas A) dan Siti Fairuza Mohd Zainuddin (Kelas D).**

**Pengurus pasukan, Jamaludin Jamil, dalam faksnya kepada *Berita Harian* memberitahu: "Singapura mungkin mempunyai seorang lagi pesilat di peringkat separuh akhir sekiranya Mohd Jufri Selamat tidak menarik diri kerana kurang sihat.**

**"Jufri merupakan salah seorang pesilat harapan kita terutama sekali selepas menewaskan peserta pilihan pasukan tuan rumah di peringkat suku akhir."**

**Hidayat, yang mengalahkan Saharudin A. Samad dari Johor, akan berdepan dengan pesilat Sarawak, Kumar Nerani, hari ini.**

**Begitu juga dengan Irwan yang menghadapi peserta tuan rumah, Mohamad Shahubullah, selepas menyingkirkan Mohamad Rizal dari Johor.**

**Kadir pula akan menentang pesilat Melaka, Hairudin Baharom, sementara keunggulan Sheik akan diuji oleh Sahar Sadri dari Selangor.**

**Siti Fairuza, pemenang pingat gangsa dalam Sukan SEA Chiangmai, akan berdepan dengan seorang lagi srikandi Kelantan. Selepas mengalahkan Nik Suriani, peserta harapan Singapura itu akan menentang Norkamilawani.**

**Normillah, yang mencatatkan kemenangan sebulat suara ke atas Hamidah Abdul Ghani dari Melaka, akan menentang Jurida Hussain dari Perlis.**